

# PRULink Golden Equity Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2018 melainkan jika dinyatakan


## Ciri-ciri Dana

Objektif Dana	Dana ini bertujuan untuk memaksimumkan pulangan pada jangka sederhana dan panjang, dengan mengambil kira keperluan untuk membuat bayaran terjamin. Matlamat ini dicapai dengan melabur dalam saham berkualiti tinggi yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan mana-mana instrumen kewangan lain yang digunakan untuk melindungi nilai portfolio.
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<p><b>Strategi Pelaburan</b></p> <p>Melabur dalam saham berkualiti tinggi yang disenaraikan di Bursa Malaysia secara langsung atau tidak langsung melalui PRULink Equity Fund atau mana-mana dana PRULink seumpamanya, yang lazimnya melabur dalam portfolio terpelbagai yang terdiri daripada ekuiti dan sekuriti-sekuriti berkaitan ekuiti yang mungkin ditawarkan pada masa depan. Dana tersebut mungkin boleh melabur dalam mana-mana instrumen kewangan yang digunakan untuk melindungi nilai portfolio.</p> <p><b>Pendekatan Pelaburan</b></p> <p>Pengurus Dana percaya bahawa cara pelaburan yang diarah oleh penilaian dan yang disiplin boleh menjanakan pulangan yang unggul dalam jangka masa panjang.</p> <p>Ketidakcekapan penetapan harga yang disebabkan tingkah laku pelabur yang tidak munasabah boleh dieksploitasi melalui penyelidikan aktif dalaman dan pengurusan portfolio. Penetapan harga salah yang berjaya dieksploitasi dan dikekalkan memerlukan penerapan cara penilaian kami yang disiplin. Proses mereka mencari cara menyingkirkan kelakuan berat sebelah yang membawa kepada penetapan harga yang salah dalam kejadian pertamanya.</p> <p>Pengurus Dana membuat anggapan yang konservatif terhadap ramalan pendapatan mereka untuk memastikan sasaran penilaian dalaman boleh dicapai. Pada masa yang sama, mereka tidak menyingkirkan potensi peluang dengan mengambil risiko yang sudah diperhentikan dalam masa yang tidak stabil ini yang cenderung kepada kejadian sekelilingnya.</p> <p>Pengurus Dana mengikut darjah kekonsistenan yang tinggi dalam jangka masa panjang untuk semua dana, disamping berpegang teguh kepada garisan panduan yang tegas dan profesional.</p>
Peruntukan Aset	Dana melabur sehingga 100% Dana NAV dalam saham berkualiti tinggi yang disenaraikan di Bursa Malaysia secara langsung atau tidak langsung melalui PRULink Equity Fund atau mana-mana dana PRULink seumpamanya, yang lazimnya melabur dalam portfolio terpelbagai yang terdiri daripada ekuiti dan sekuriti-sekuriti berkaitan ekuiti yang mungkin ditawarkan pada masa depan. Dana NAV yang lebih akan dilabur ke dalam aset cair dan mana-mana instrumen kewangan lain yang diguna untuk melindungi nilai portfolio.
Piawaian Prestasi	FTSE-Bursa Malaysia Top 100 Index (FBM 100) <i>Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari <a href="http://www.bursamalaysia.com/market">www.bursamalaysia.com/market</a></i>
Pengurus Dana	Eastspring Investments Berhad (531241-U)
<b>Yuran &amp; Caj</b>	
Caj Pengurusan Dana	1.50% setiap tahun
Caj-caj lain, jika ada	Tiada

# PRULink Golden Equity Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2018 melainkan jika dinyatakan

## Prestasi Dana



**Nota:** Graf-graf adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Prestasi masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya.

Year	Prestasi PRULink Golden Equity Fund	Piawaian Prestasi FTSE-Bursa Malaysia Top 100 Index (FBM 100)
2009	42.47%	44.94%
2010	21.45%	21.76%
2011	3.98%	1.94%
2012	12.33%	9.60%
2013	11.54%	11.39%
2014	-3.70%	-6.17%
2015	-0.29%	-2.89%
2016	-1.13%	-2.45%
2017	14.23%	12.74%
2018	-4.68%	-9.28%

\* Prestasi dana adalah dari tarikh lancar dana sehingga akhir tahun untuk tahun yang sama.

Sumber: Lipper IM dan Bloomberg, 31 Disember 2018

Nota: Dana anda dilaburkan di dalam **PRULink Golden Equity Fund** dan **PRULink Golden Bond Fund** mengikut suatu campuran aset yang telah ditentukan pada masa Tempoh Pengumpulan. Pada masa Tempoh Pembayaran, dana anda akan dilaburkan di dalam **PRULink Managed Fund** dengan campuran aset sebanyak 80% dalam bon dan 20% dalam ekuiti. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk kepada risalah yang dilampirkan.

**Amaran:** Ini hanya adalah prestasi dana pelaburan tersebut dan bukan pulangan dari sumbangan yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan itu.

Asas kiraan prestasi masa lalu:

# PRULink Golden Equity Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2018 melainkan jika dinyatakan

$$= \left( \frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n - 1} - 1 \right) \%$$

## Risiko-Risiko Pelaburan

Sila rujuk kepada Lampiran untuk butir-butir senarai Risiko-Risiko Pelaburan di bawah yang mengikut urutan kepentingan:

- (A) Risiko Pasaran
- (B) Risiko Saham
- (C) Risiko Kecairan
- (D) Risiko Kadar Faedah
- (E) Risiko Negara
- (F) Risiko Tiada-Pematuhan
- (G) Risiko Penumpuan
- (H) Risiko Syarikat Pengurusan
- (I) Risiko Inflasi
- (J) Risiko Pengurus Pelaburan

## Pengurusan Risiko

### Peramalan Risiko

Risiko yang berpotensi timbul akan dipertimbangkan dalam proses peruntukan sektor dan pilihan stok yang berdasarkan analisis pelbagai faktor-faktor penting seperti keadaan ekonomi, kecairan, aspek-aspek kualitatif dan kuantitatif sekuriti tersebut.

### Kawalan Sistem

Had risiko ditetapkan secara dalaman untuk setiap dana dan bergantung kepada profil risiko pelanggan. Had risiko tersebut termasuk pengeluaran bet, kumpulan pengeluaran, pengkadaran sektor dan saiz isu sekuriti yang dipegang dalam portfolio.

Satu sistem depan pejabat ditempatkan untuk mengawasi risiko portfolio, yang bertugas sebagai penapis automatik untuk had-had atau keadaan pecah amanah.

# PRULink Golden Equity Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2018 melainkan jika dinyatakan

## Maklumat Lain

<ul style="list-style-type: none"><li>• Pasaran Sasaran</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pelabur yang mencari nilai modal yang tinggi.</li><li>• Daya toleransi risiko tinggi.</li><li>• Pengalaman pelaburan dalam jangkamasa sederhana ke panjang.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Dasar &amp; Kekerapan Tarikh Penilaian</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penghargaan unit dibuat setiap hari perniagaan.</li><li>• Harga unit bagi dana <b>PRULink Golden</b> tertentu pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan Nilai Dana dibahagi dengan bilangan Unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.</li><li>• Nilai Dana ialah nilai semua aset dana <b>PRULink Golden</b> selepas memotong belanja untuk menguruskan, memperolehi, menyenggaraan, pengkekalan dan penilaian aset Dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.</li><li>• Berkenaan dengan sesuatu Tarikh Penilaian, Harga Unit untuk <b>PRULink Golden Fund</b> akan dikira satu hari perniagaan selepas Tarikh Penilaian dan diterbitkan dua hari perniagaan selepas Tarikh Penilaian.</li><li>• Untuk mendapatkan balik kos memperolehi dan membuang aset-aset, pembetulan kos urus niaga mungkin dibuat untuk Nilai Unit untuk memulihkan sebarang jumlah yang telah atau dijangka akan dibayar oleh dana untuk penghasilan dan pembatalan unit-unit.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Keadaan-keadaan Luar Biasa</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Syarikat juga berhak dalam keadaan pengecualian (sebagai contoh, bila terdapat jumlah jualan atau penebusan aset mana-mana dana <b>PRULink Golden</b> yang luar biasa besarnya dalam jangka masa yang pendek) untuk menangguhkan penukaran atau penebusan Unit-unit dan/atau penyerahan Polisi untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh permohonan.</li><li>• Syarikat mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusan niaga polisi jika mana-mana penukaran di mana dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbitkan dan mungkin diberitahu kepada orang diinsuranskan apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/ dari mana-mana dana <b>PRULink</b>.</li></ul> <p>Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.</p>